

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(II)10**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN JAWI  
YB. H'NG MOOI LYE**

10. Aktiviti-aktiviti pelancongan adalah salah satu daya tarikan bagi Negeri Pulau Pinang di mana ianya adalah salah satu pendapatan yang tinggi bagi Kerajaan Negeri Pulau Pinang.
- (a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang atau akan menjadikan daerah Seberang Perai Selatan ini sebagai salah satu daya tarikan pelancong dari dalam dan luar negara.

**YB. YEOH SOON HIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

10. (a) Dalam usaha Kerajaan Negeri untuk mempromosikan tarikan baru dan menjadikan daerah Seberang Perai Selatan sebagai tempat tarikan pelancong, Kerajaan Negeri telah menyokong serta mengadakan pelbagai program dan aktiviti untuk merencanakan industri pelancongan di SPS.
- (i) Antaranya ialah Pesta Belon Udara Panas Pulau Pinang 2020 (Penang Hot Air Balloon Fiesta 2020), iaitu satu acara penerbangan belon udara panas sebanyak 10 unit yang telah diadakan di Padang Awam Jawi pada 31 Januari 2020. Acara penerbangan belon udara panas di Jawi juga telah diadakan sejak 2017, dan pada tahun yang lepas penganjur *Penang Hot Air Balloon Fiesta* juga telah mengadakan penerbangan komersial di Kawasan Jawi semasa *Penang Hot Air Balloon Fiesta*;

- (ii) Selain itu, di kawasan Bukit Tambun, program *Penang International Food Festival* telah diadakan di Batu Kawan selama 2 tahun sejak 2018;
- (iii) Pada tahun ini, untuk projek *Penang International Container Art Festival (PICAF)*, Batu Kawan telah juga dipilih sebagai satu destinasi meletak struktur seni kontena tersebut sebagai salah satu tarikan untuk pelancong;
- (iv) Kerajaan Negeri melalui Pejabat PETACH juga telah menganjur *Penang Celebrates: Hari Raya di Design Village*, Batu Kawan, yang bertujuan untuk memeriahkan suasana perayaan serta mempromosikan kawasan tersebut sebagai tapak pelancongan melalui aktiviti-aktiviti yang diadakan.

Seiring dengan usaha-usaha menggiatkan promosi pelancongan di kawasan tersebut, program-program ini adalah bertujuan untuk menarik lebih ramai pelancong untuk mengenali keindahan kawasan Seberang Perai Selatan dan mengetengahkan tarikan pelancong yang lain di kawasan SPS termasuk kelip-kelip di Sungai Kerian, Hutan Lipur Bukit Panchor, Bird Watching di Pulau Burung, makanan laut di Pulau Aman dan destinasi membeli-belah di Batu Kawan.

Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang yang sedang disediakan turut mempunyai perancangan pelancongan untuk daerah Seberang Perai Selatan.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga dalam usaha mengenal pasti produk-produk pelancongan baharu untuk meningkatkan daya tarikan pelancongan di Seberang Perai Selatan.